

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI PENAPISAN KESELAMATAN KE ATAS PARA PEGAWAI YANG BAKAL DILANTIK KE JAWATAN POLITIK TIDAK BOLEH MENJAMIN PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI TIDAK BERLAKU.

BAKAL PERDANA MENTERI BERKATA PENAPISAN SEUMPAMA ITU BUKAN MERUPAKAN JAMINAN SEPENUHNYA KERANA SELEPAS ITU PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BAIK MASIH BOLEH BERLAKU.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS KEMUNGKINAN PENAPISAN SAPERTI ITU DIJALANKAN BERIKUTAN PENGANGKAPAN BEKAS SETIAUSAHA POLITIKNYA SIDDIQ MOHAMED GHOUSE KERANA MENJADI AGEN POLIS RAHSIA SOVIET - KGB.

BELIAU BERKATA: +KITA BOLEH MENJALANKAN PENAPISAN ITU TETAPI KITA TIDAK BOLEH MEMPASTIKAN PERKARA-PERKARA (BURUK) TIDAK BERLAKU.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG AKAN MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN PERDANA MENTERI ESOK ENGGAN MENGULAS TENTANG BARISAN KABINETNYA YANG AKAN DIBENTUK ISNIN INI.

+TUNGGULAH APABILA PENGUMUMAN DIBUAT,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 2000/SZ

B617

MAHATHIR-TAPIS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA TIDAK MAHU MENGULAS TENTANG KEDUDUKAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH SAMA ADA AKAN TERUS KEKAL DALAM KABINET.

+SABARLAH DAN TUNGGU ISNIN INI,+ BELIAU MENGULANGI.

— BERNAMA 20003/SZ